

Headline	USAHAWAN BONSAI KELAPA		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	20 Jul 2019	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	112,705
Page No	53	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	474 cm ²
Journalist	Helmy Abd Rahman	AdValue	RM 18,673
Frequency	Daily	PR Value	RM 56,018



USAHAWAN BONSAI KELAPA

FOTO | BAHAROM BAKAR



SABAHARU (kiri) memberi penerangan mengenai bonsai kelapa kepada bekas Pengarah Kanan (Operasi) FAMA, Datuk Nazipah Jamaludin yang mengunjungi gerainya.

Helmy Abd Rahman
helmy_rahman@hmetro.com.my

Dalam kepala penulis, tanaman bonsai sering dibayangkan terhasil daripada pokok jenis berkayu dan berakar serta mempunyai karakter spesifik.

Antaranya dahan sedikit condong dihiasi rimbunan daun yang dibantutkan dan dimuatkan ke dalam pasu.

Tanggapan klise penulis mengenai bonsai itu bagaimanapun terpadam secara automatik tatkala melihat 'hasil tangan' seorang pengusaha tanaman bonsai di Rantau



SEBAHAGIAN bonsai kelapa yang dicat dan dilukis.

Sabaharu hasilkan sejak 3 tahun lalu selepas buat kajian

Abang, Dungun, Terengganu yang mengkhususkan kepada penghasilan bonsai kelapa.

Idea kreatif itu menaikkan nama Sabaharu Talib, 52, dalam kalangan komuniti peminat tanaman 'mini' berkenaan apatah lagi difahamkan, dia satu-satunya pengusaha tanaman bonsai kelapa di negara ini.

Sabaharu yang lebih dikenali Abas Insani dalam kalangan peminat bonsai di negara ini berkata, dia mempunyai pengalaman kira-kira 20 tahun menghasilkan tanaman bonsai.

Namun, katanya, hanya sekitar lima tahun

lalu baharu dia mencuba menghasilkan bonsai kelapa untuk mencari kelainan.

"Di negara ini, biasanya pengusaha menjadikan banyak pokok hidup antaranya pokok bunga kertas dan cucur atap.

"Saya sendiri mempunyai pengalaman kira-kira 20 tahun dalam perniagaan tanaman bonsai yang saya usahakan di Rantau Abang.

"Malah saya hanya cuba buat bonsai kelapa sekitar lima tahun lalu selepas mendengar ada pengusaha di Indonesia gunakan tanaman itu.

"Menerusi eksperimen dan kajian yang dilakukan sendiri, saya berjaya menghasilkan bonsai kelapa seperti yang dikehendaki," katanya.

Menurut Sabaharu, selepas eksperimennya menjadi dan melihat terdapat potensi besar untuk dipasarkan secara lebih meluas, dia mengambil keputusan untuk lebih serius penghasilan bonsai kelapa hampir tiga tahun lalu.

Katanya, tidak terlalu sukar menghasilkan bonsai kelapa manakala untuk baja pula, dia hanya menggunakan garam sebagai baja.

"Langkah pertama, kita perlu proses akar dan gunakan medium air yang membolehkan ia tumbuh lebih cepat

berbanding tanah.

"Selepas dua bulan apabila sudah bertunas, bonsai kelapa itu boleh dialihkan pula ke dalam pasu.

"Supaya bonsai kelapa kekal kecil, kita perlu menyiat selaput tumbuhan itu secara berkala untuk menghalangnya daripada membesar.

"Kupas tunas di bahagian paling bawah, tapi perlu hati-hati jangan terkena pada tunas muda kerana ia boleh menyebabkan pokok mati," kata lelaki itu.

Kata Sabaharu lagi, bonsai kelapa yang dihasilkan dijual pada harga antara RM35 hingga paling mahal RM300 sepasu.

"Selain hiasan di rumah, banyak juga saya dapat tempahan bonsai kelapa yang dijadikan hantaran perkahwinan," katanya.

Bagi menambah 'seri', katanya, ada antara bonsai kelapa yang dihasilkan dicat dan dilukis.

"Tapi ada juga yang dibiarkan begitu saja kerana ramai juga pelanggan yang mahukan begitu," katanya.

Menurutnya, selain aktif menggunakan media sosial untuk tujuan promosi, dia juga sering menghadiri pameran yang dianjurkan pelbagai agensi," katanya.